


Takaful *mySME* Partner

*Lindungi Pekerja Anda yang
Paling Berharga*



Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi.



Kami memahami bahawa pekerja adalah aset berharga sesebuah organisasi dan kunci kepada kejayaan. Apabila perniagaan anda semakin berkembang, manfaat yang ditawarkan kepada pekerja akan membantu anda merekrut dan mengekalkan pekerja yang kompeten. Oleh itu, adalah penting untuk menunjukkan kepada mereka yang anda mengambil berat dengan menjaga kebajikan mereka.

Takaful *mySME Partner* menawarkan pekerja anda perlindungan kewangan yang amat mereka hargai pada kos yang minimum kepada anda - dan tanpa sebarang beban pentadbiran tambahan. Anda kini boleh kekal fokus dalam mengendalikan perniagaan anda dengan jayanya dan biarlah kami menjaga kebajikan mereka.



Sepintas Lalu

Takaful mySME Partner



Pelan Manfaat Pekerja yang Ideal dengan Perlindungan Komprehensif

Direka khas untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dengan 5 hingga 150 pekerja



Pilihan Perlindungan Perubatan dan Hayat

Pilih daripada pelbagai pelan yang sedia ada bagi Hayat Bertempoh Berkelompok dan Penjagaan Penghospitalan & Pembedahan Berkelompok - pelan yang terbaik bagi memenuhi keperluan pekerja dan bajet anda



Manfaat Pilihan bagi Mempertingkatkan Perlindungan

Manfaat pilihan perlindungan tambahan membolehkan anda untuk menyesuaikan perlindungan pekerja anda untuk memenuhi keperluan unik mereka



Akses Mudah dan Selesa untuk Penjagaan Perubatan

Nikmati akses mudah kepada rawatan perubatan di hospital dan klinik panel kami di seluruh negara untuk keadaan yang dilindungi



Proses Pendaftaran yang Mudah

Tiada pemeriksaan perubatan untuk syarikat dengan 10 atau lebih pekerja. Bagi syarikat yang kurang daripada 10 pekerja, hanya pengakuan kesihatan peribadi diperlukan

Takaful *mySME* Partner menawarkan anda:



Manfaat Asas Perubatan

Penjagaan Penghospitalan & Pembedahan

Hargai pekerja anda dengan memberikan mereka perlindungan pelan komprehensif penghospitalan dan pembedahan. Pelan ini menawarkan 5 pilihan dengan had tahunan keseluruhan bermula daripada RM12,000 hingga RM100,000.

Anda juga mempunyai pilihan untuk turut melindungi ahli keluarga tanggungan pekerja.



Manfaat Pilihan Perubatan

Manfaat Pesakit Luar

Digandingkan dengan pilihan Rawatan Pengamal Perubatan Am (PPA) Pesakit Luar dan Rawatan Pengamal Perubatan Pakar (PPP) Pesakit Luar, pekerja dan tanggungan mereka kini boleh mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang komprehensif apabila mereka memerlukannya.

Tunjukkan kad perubatan bersama-sama dengan kad pengenalan sendiri di mana-mana klinik panel PPA kami di seluruh negara dan nikmati kemudahan dan akses yang mudah bagi rawatan pesakit luar.



Manfaat Asas Hayat Bertempoh

Manfaat Kematian

Bayaran sekaligus akan dibuat sekiranya terdapat kematian pekerja. Pembayaran ini merupakan sokongan kewangan tambahan bagi tanggungan pekerja agar dapat mengekalkan taraf kehidupan mereka disamping menguruskan perbelanjaan yang tidak dijangka.

Manfaat Keilatan Menyeluruh dan Kekal (KMK)

Jika pekerja anda mengalami keilatan akibat daripada penyakit atau kecederaan, pekerja anda akan menerima pampasan yang boleh mengurangkan beban kewangan keluarga.

Manfaat Keilatan Separa Kekal (KSK)

Pekerja anda akan menerima pampasan sehingga jumlah asas perlindungan mengikut Lampiran 1 - Skala Pampasan sekiranya dia menjadi ilat secara separa kekal disebabkan oleh penyakit atau kecederaan.

Manfaat Penyakit Membawa Maut

Manfaat ini akan dibayar sehingga maksimum RM150,000 apabila kematian pekerja anda berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh diagnosis penyakit.



Manfaat Pilihan Hayat Bertempoh

Manfaat Penyakit Kritikal

Penyakit kritikal boleh menyerang sesiapa sahaja disaat seseorang tidak menjangkanya. Dengan perlindungan penyakit kritikal, pekerja anda akan mempunyai akses kepada dana yang mereka perlukan untuk membantu mereka melalui rawatan dan pemulihan.

Jadual Manfaat Asas Perubatan

Penjagaan Penghospitalan & Pembedahan

Perkara	Manfaat (dalam RM)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5
(A)	Manfaat Pesakit Dalam dan Pembedahan Jagaan Harian					
1.	Bilik dan Penginapan Hospital Harian (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilangan)	80	150	200	250	350
2.	Unit Rawatan Rapi (Maksimum 90 hari bagi setiap satu keilangan)	Caj sebenar ¹				
3.	Bekalan dan Khidmat Hospital					
4.	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilangan)					
5.	Yuran Pembedahan					
6.	Yuran Pakar Bius					
7.	Yuran Bilik Pembedahan					
8.	Pendapat Pembedahan yang Kedua					
9.	Pembedahan Harian					
10.	Yuran Ambulans					
11.	Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (Maksimum 180 hari bagi setiap satu keilangan)					
12.	Yuran Laporan Perubatan	Caj sebenar ¹				
(B)	Manfaat Pesakit Luar					
1.	Ujian Diagnosis Sebelum Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan harian atau penghospitalan)	Caj sebenar ¹				
2.	Rundingan Pakar Sebelum Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari sebelum pembedahan harian atau penghospitalan)					
3.	Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari selepas discaj hospital)					
4.	Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari)					
5.	Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan (termasuk rawatan susulan sehingga 14 hari)					
6.	Rawatan Kanser Pesakit Luar					
7.	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar					
Had Tahunan Keseluruhan bagi (A) & (B)		12,000	40,000	60,000	80,000	100,000
Perbelanjaan Pengebumian		20,000 untuk Pekerja 10,000 untuk setiap Pasangan & Anak-anak				

¹ Caj sebenar adalah berdasarkan bayaran munasabah dan biasa diamalkan, tertakluk kepada had tahunan keseluruhan

Nota: Tempoh menunggu selama 30 hari diguna pakai untuk penyakit selain daripada penyakit tertentu. Untuk penyakit tertentu, tempoh menunggu 120 hari digunapakai.

Jadual Manfaat Pilihan Perubatan

Rawatan Pesakit Luar	Pelan 1	Pelan 2
(A) Rawatan PPA Pesakit Luar		
(i) Lawatan Klinik Panel PPA	Tanpa bayaran tunai	Tanpa bayaran tunai
(ii) Lawatan Kecemasan Klinik Bukan Panel PPA	Caj sebenar; secara pembayaran semula	Caj sebenar; secara pembayaran semula
(iii) Pemeriksaan Pap Smear di Panel PPA sahaja (maksimum sekali bagi setiap tahun sijil)	Tanpa bayaran tunai	Tanpa bayaran tunai
(iv) PPA Luar Negara	Secara pembayaran semula sehingga RM50 bagi setiap satu lawatan	Secara pembayaran semula sehingga RM50 bagi setiap satu lawatan
(B) Rawatan PPP Pesakit Luar		
(i) Lawatan Pakar Perubatan (dengan rujukan dari klinik panel PPA)	Caj sebenar; secara pembayaran semula	Caj sebenar; secara pembayaran semula
(ii) PPP Luar Negara	Secara pembayaran semula sehingga RM200 bagi setiap satu lawatan	Secara pembayaran semula sehingga RM200 bagi setiap satu lawatan
Had Tahunan untuk (B) Rawatan PPP Pesakit Luar	Sehingga RM1,000 bagi setiap satu ahli bagi setiap tahun sijil	Sehingga RM1,500 bagi setiap satu ahli bagi setiap tahun sijil



Jadual Manfaat Asas Hayat Bertempoh

Manfaat	Jumlah Perlindungan Asas (RM)								
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9
Kematian (semua sebab)	20,000	40,000	60,000	80,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Keilatan Menyeluruh dan Kekal (semua sebab)	20,000	40,000	60,000	80,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Keilatan Separa Kekal (semua sebab - seperti Lampiran 1)	20,000	40,000	60,000	80,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Penyakit Membawa Maut	20,000	40,000	60,000	80,000	100,000	150,000	150,000	150,000	150,000

Nota:

1. Perakuan kesihatan peribadi tidak diperlukan untuk saiz kelompok pekerja 11 – 150 orang dimana jumlah perlindungan adalah di bawah atau sama dengan RM150,000.
2. Keadaan sedia ada 12 bulan adalah tertakluk bagi kelompok pekerja bawah 50.
3. Keilatan Menyeluruh dan Kekal, Keilatan Separa Kekal dan Penyakit Membawa Maut adalah pendahuluan daripada manfaat kematian. Apabila pembayaran mana-mana manfaat ini dibayar, jumlah perlindungan asas akan dikurangkan sebanyak mana jumlah manfaat yang dibayar.

Jadual Manfaat Pilihan Hayat Bertempoh

Manfaat Pilihan	Jumlah Perlindungan (RM)
Penyakit Kritikal (Tambahan)	50% daripada Jumlah Perlindungan Asas

Nota:

1. Selepas disahkan menghidap penyakit kritikal kecuali Angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk penyakit arteri koronari, bayaran penuh akan dibayar. Bagi Angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah yang akan dibayar adalah 10% daripada jumlah perlindungan sehingga maksimum sebanyak RM25,000.
2. Tempoh menunggu selama 30 hari adalah terpakai bagi penyakit kritikal selain daripada Kanser. Bagi Kanser, tempoh menunggu adalah selama 60 hari.
3. Tempoh hidup selama 30 hari daripada diagnos penyakit kritikal adalah terpakai.
4. Senarai 39 penyakit kritikal dinyatakan dalam Lampiran 2 brosur ini.

Kelayakan

1. Saiz Kelompok pada Permulaan

	Perubatan	Hayat Bertempoh
Minimum	5 pekerja	
Maksimum	150 pekerja	

2. Ahli-ahli yang Layak

	Perubatan	Hayat Bertempoh
Pekerja	Semua pekerja sepenuh masa dan bekerja secara aktif	
Tanggungjawab (Pasangan & Anak-anak)	Ya	T/B

3. Umur yang Layak (Umur Akan Datang)

		Perubatan		Hayat Bertempoh	
		Manfaat Asas	Manfaat Pilihan	Manfaat Asas	Manfaat Pilihan
Umur Minimum	Pekerja	16 tahun		16 tahun	
	Pasangan	16 tahun		T/B	
	Anak-anak	14 hari		T/B	
Umur Maksimum	Pekerja	64 tahun		64 tahun	
	Pasangan	64 tahun		T/B	
	Anak-anak	18 tahun atau 23 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi dan tidak bekerja		T/B	
Umur Matang	Pekerja	70 tahun		70 tahun	65 tahun
	Pasangan	70 tahun		T/B	
	Anak-anak	19 tahun atau 24 tahun sekiranya masih belajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi dan tidak bekerja		T/B	

Jadual Caruman Tahunan (dalam RM)

Manfaat Perubatan

Asas: Penghospitalan & Pembedahan	Pelan 80	Pelan 150	Pelan 200	Pelan 250	Pelan 350
	Had Tahunan: 12 Ribu	Had Tahunan: 40 Ribu	Had Tahunan: 60 Ribu	Had Tahunan: 80 Ribu	Had Tahunan: 100 Ribu
Pekerja Sahaja	406	864	1,381	1,661	2,267
Pekerja & Pasangan	1,015	2,160	3,453	4,153	5,668
Pekerja & Anak-anak	1,218	2,592	4,143	4,983	6,801
Pekerja & Keluarga	1,624	3,456	5,524	6,644	9,068

Pilihan: Rawatan Pesakit Luar

	Pelan 1	Pelan 2
Caruman Tahunan bagi setiap satu Pekerja / Tanggungan (Pasangan & Anak-anak)	672	804

Manfaat Hayat Bertempoh

Umur yang Dicapai (Umur Akan Datang)	Kadar Caruman bagi setiap RM1,000 Jumlah Perlindungan	
	Kematian + KMK + KSK	Kematian + KMK + KSK + PK
16 - 20	1.24	1.37
21 - 25	1.24	1.47
26 - 30	1.24	1.57
31 - 35	1.24	1.89
36 - 40	1.61	2.59
41 - 45	2.54	4.27
46 - 50	4.51	7.36
51 - 55	7.90	12.27
56 - 59	12.01	18.23
60 - 64	22.61	31.79
*65 - 69	36.24	T/B

*Bagi pembaharuan sahaja

Nota:

KMK: Keilatan Menyeluruh dan Kekal, KSK - Keilatan Separa Kekal, PK - Penyakit Kritikal, T/B - Tidak Berkenaan

1. Caruman dibayar secara tahunan dan akan dikenakan berdasarkan umur yang dicapai individu pada pembaharuan.
2. Cukai Perkhidmatan 6% akan dikenakan ke atas caruman yang perlu di bawah pelan ini.
3. Kadar caruman adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada semakan.
4. Syarikat berhak untuk memperbaharui perlindungan pada kadar caruman yang meningkat atau tidak memperbaharui perlindungan dengan keadaan yang wajar.

Yuran Wakalah

30% daripada jumlah caruman yang dibayar akan ditolak sebagai Yuran Wakalah² bagi perkhidmatan yang diberikan dalam mengurus dana Takaful.

Caruman dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah akan dianggap sebagai Tabarru' dan digunakan untuk menolong orang lain yang berada dalam kesusahan atau ditimpa malapetaka atas dasar perpaduan, persaudaraan dan kerjasama antara orang yang akan dilindungi.

²Ini adalah caj pendahuluan untuk perbelanjaan Syarikat dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen yang dibayar kepada ejen takaful.

Soalan Lazim Ditanya

S1: Bagaimana caranya bagi saya mendaftarkan para pekerja untuk Takaful *mySME* Partner?

Anda mesti melengkapkan Borang Permohonan dan Perakuan (Borang A) dan Borang Pendaftaran/Pertukaran (Borang B).

Bagi manfaat hayat bertempoh, pekerja dikehendaki untuk melengkapkan Borang Perakuan Kesihatan Peribadi (Borang C) dalam mana-mana keadaan berikut:

- (1) Bilangan pekerja sama atau kurang dari 10 pekerja; atau
- (2) Pekerja di mana jumlah perlindungan melebihi RM150,000

Bagi manfaat perubatan, semua pekerja dikehendaki untuk melengkapkan Borang C untuk syarikat dengan 10 pekerja atau kurang.

Sila sertakan bayaran caruman anda bersama-sama dengan borang yang lengkap.

S2: Bilakah perlindungan pekerja saya berkuat kuasa?

Perlindungan pekerja anda akan berkuat kuasa pada tarikh kami menerima borang-borang yang lengkap bersama-sama dengan bayaran caruman penuh, tertakluk kepada penerimaan kami.

S3: Bolehkah saya menukar/menaikkan taraf faedah-faedah pekerja saya?

Ya, pertukaran/menaikkan taraf faedah boleh dilakukan pada pembaharuan dan ianya tertakluk kepada penerimaan kami.

S4: Bolehkah pekerja saya dilindungi dalam mana-mana pelan yang saya ingin tawarkan?

Anda dikehendaki mendaftar pekerja anda dalam kategori pekerjaan yang sama di bawah pelan yang sama. Sebagai contoh, Pelan 1 untuk kategori 'Pengurus', Pelan 2 untuk kategori 'Eksekutif' dan Pelan 3 untuk kategori 'Lain-lain'. Ini hendaklah juga dipakai jika terdapat permintaan untuk menukar/menaik taraf manfaat mana-mana pekerja pada pembaharuan sijil.

S5: Apakah itu Penyakit Sedia Ada?

“PENYAKIT SEDIA ADA” bererti keilatan yang sewajarnya diketahui oleh Orang Yang Dilindungi sebelum Tarikh Kuat Kuasa. Orang Yang Dilindungi dianggap mempunyai pengetahuan sewajarnya mengenai penyakit sedia ada itu sekiranya memenuhi salah satu syarat berikut:

- (a) Orang Yang Dilindungi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan yang telah disyorkan;
- (c) simptom-simptom ketara dan jelas atau telah terbukti; atau
- (d) kewujudannya dapat dilihat dengan jelas bagi orang yang mengalami keadaan itu.

S6: Apakah itu Penyakit Tertentu?

“PENYAKIT TERTENTU” bererti keilatan-keilatan berikut dan komplikasi-komplikasi berhubungan dengannya, yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuat Kuasa:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit Kardiovaskular;
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
- (c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan kerongkong;
- (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
- (e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan wanita;
- (f) Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan penyakit lutut.

S7: Bagaimana untuk dimasukkan ke hospital panel dengan mudah?

Sekiranya anda dilindungi di bawah perlindungan sijil, apa yang anda perlu lakukan adalah untuk menghubungi pembekal perkhidmatan yang kami lantik untuk bantuan.

Sila ambil perhatian berkenaan dengan penyakit, terdapat tempoh menunggu 30 hari sebelum perlindungan pekerja anda bermula.

S8: Adakah pekerja anda akan dilindungi di luar Malaysia?

Ya, semua manfaat boleh diguna pakai di seluruh negara dua puluh empat (24) jam sehari. Walau bagaimanapun, jika pekerja/tanggungannya memilih untuk dirawat di luar Malaysia, manfaat penghospitalan dan pembedahan yang perlu dibayar akan berdasarkan bayaran munasabah dan biasa diamalkan untuk rawatan yang setara yang dilakukan di Malaysia tidak termasuk kos pengangkutan ke tempat rawatan.

Untuk PPA dan PPP pesakit luar di luar negara, manfaat yang dibayar adalah sehingga had masing-masing yang dinyatakan dalam brosur.

Pengecualian

Manfaat Perubatan (Penjagaan Penghospitalan & Pembedahan dan Rawatan Pesakit Luar)

Tiada bayaran manfaat akan dibuat bagi sebarang perkhidmatan, produk atau keadaan atau kecederaan yang berpunca dari berikut:

- Pembedahan kosmetik atau rawatan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) contohnya dwi-kelopak mata, jerawat, keloid, parut, tag kulit, alopecia difus / keguguran rambut, dan lain-lain, atau untuk rawatan komplikasinya, kecuali apabila diperlukan dari segi perubatan yang disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan dalam tempoh enam (6) bulan dari rawatan utama. Untuk tujuan pengecualian ini “rawatan utama” ertinya rawatan pertama yang diterima semasa merawat kecederaan akibat kemalangan.
- Penjagaan dan rawatan yang berbentuk eksperimen, siasatan dan tidak mengikut piawaian profesional dan / atau tidak diperlukan dari segi perubatan. Pengecualian ini termasuk (tetapi tidak terhad kepada) rawatan-rawatan seperti:
 - rawatan sel stem, senaman yang berkaitan dan apa-apa komplikasi yang timbul selepas itu,
 - penjaminan darah,
 - rawatan untuk gangguan menopause, kecuali menopause yang dipercepatkan secara pembedahan.
- Rawatan bagi kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau feloni, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau bahan pengkhayal minda, atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Sebarang rawatan atau yang berkaitan dengan penyalahgunaan bahan seperti alkohol, narkotik dan sebagainya.
- Jagaaan jururawat peribadi atau panggilan ke rumah yang diupah oleh Orang yang Dilindungi atau rawatan-rawatan rehat pulih dari pusat rehat atau pusat jagaan semata-mata untuk tujuan pemulihan.
- Ubat dan peranti kontraseptif, prosedur pensterilan atau rawatan untuk komplikasinya, pembalikan prosedur berkenaan dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan disfungsi seksual atau kemandulan.
- Pemeriksaan dan rawatan yang berkaitan dengan kehamilan, termasuk melahirkan anak, Kehamilan Ektopik dan Vesikular Mole dan semua komplikasi yang timbul daripadanya. Bagaimanapun, pengecualian ini tidak digunakan sekiranya keguguran di bawah dua puluh lapan (28) minggu yang disebabkan oleh kemalangan di bawah pelan perlindungan Penghospitalan & Pembedahan Berkelompok, tetapi tertakluk kepada had bagi perlindungan tersebut.
- Pembedahan pertukaran jantina dan terapi hormon seks yang berkaitan dengan pembedahan seumpama itu.
- Pengkhatanan kecuali diperlukan dari segi perubatan untuk rawatan sesuatu penyakit.
- Keadaan yang berkaitan dengan penyakit kelamin, AIDS dan komplikasi berkaitan atau sekuelanya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang. Penyakit-penyakit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), demam denggi dan demam campak tidak dianggap sebagai penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.

- Terapi alternatif seperti (tetapi tidak terhad kepada) akupunktur, akutekanan, kiropraktik, osteopati, refleksologi, pembedahan tulang, urut, terapi aroma, rawatan herba, podiatrik, rundingan dan rawatan dietik, dan sebagainya.
- Vitamin, makanan tambahan, perubatan herba, agen anti obesiti/pelangsingan, pelincir mata dan sebarang suplemen atau ubat-ubatan yang boleh dibeli di kaunter.
- Sabun, syampu, pembersih, krim vitamin, salap/minyak vitamin, pelembab, pelincir, rawatan anti-penuaan, pemutihan kulit dan sebarang produk mempunyai kesan yang serupa.
- Gangguan psikotik, mental atau saraf dan keadaan tingkah laku termasuk neurosis dan manifestasi fisiologikal atau psikosomatik.
- Apa-apa rawatan atau penilaian untuk penyakit kongenital, penyakit keturunan atau perkembangan, kecacatan dan sebarang keilatan atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sist dermoid, hernia kanak-kanak/hidrokel (semua jenis hernia sehingga usia enam (6) tahun adalah tidak dilindungi), kaki belantan, Cacat Septum Ventrikel (VSD), Cacat Atrium Septal (ASD), Thalasemia, mata juling, Hemangioma, dan lain-lain.
- Penyakit atau keilatan bayi baru lahir yang berlaku semasa dalam kandungan atau semasa kelahiran atau dalam tempoh lima belas (15) hari pertama selepas dilahirkan.
- Apa-apa ujian alahan darah dan topikal termasuk ujian tampalan.
- Pemeriksaan rutin fizikal, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan dan ujian diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis keilatan yang dilindungi.
- Terapi pertuturan dan terapi cara kerja apabila bukan merupakan sebahagian daripada program pemulihan berikutan penghospitalan akibat trauma, melainkan ia adalah susulan kepada keilatan pesakit dalam dan tertakluk kepada had-hadnya.
- Sebarang rawatan pembedahan untuk rabun termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut seperti Ortopik, Stimulasi Visual, Keratotomi Radial, Lasik, Intralase, Xyoptics, Phacik IOL, implan atau pembedahan penggantian kanta intraokular.
- Semua pembedahan kaca mata atau kanta lekap, kecuali kanta intraokular monofokal dalam pembedahan katarak.
- Sebarang rawatan atau pembedahan pergigian kecuali apabila diperlukan kerana kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan di bawah pelan perlindungan Penghospitalan & Pembedahan Berkelompok, tertakluk kepada had-hadnya.
- Penggunaan atau perolehan peralatan luaran (contohnya anggota tiruan, alat pendengaran, kebok aero dan peralatan bagi penebulan, Tekanan Saluran Hawa Positif Terus-menerus (CPAP), Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan (CAPD), alas ortopedik) dan kos sewa peranti tersebut kecuali semasa penghospitalan di bawah pelan perlindungan Penghospitalan & Pembedahan Berkelompok tetapi tertakluk kepada had-hadnya. Walau bagaimanapun, sekiranya Orang Yang Dilindungi mempunyai perlindungan manfaat perubatan utama, ia hendaklah tertakluk kepada had manfaat masing-masing.

- Kesan daripada radiasi atau kontaminasi akibat radioaktif daripada sebarang sumber.
- Peperangan, rusuhan, penentangan, kekecohan, pemberontakan awam, letupan senjata peperangan, aktiviti berkaitan dengan keganasan, peperangan nuklear, peperangan/aktiviti biologi dan kimia.
- Penyakit atau kecederaan yang dialami semasa penerbangan kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam penerbangan yang diiktiraf dan beroperasi di laluan udara yang berjadual dan perjalanan udara menggunakan mana-mana pesawat sewa khas yang dilesenkan sebagai pengangkutan udara diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan diselenggarakan.
- Perkhidmatan bukan perubatan yang disediakan oleh hospital seperti televisyen, telefon, faks, radio atau kemudahan yang serupa. Caj bagi perkhidmatan ini hendaklah dibayar oleh Orang yang Dilindungi sebelum keluar dari hospital atau pusat rawatan harian kecuali dinyatakan sebaliknya.
- Terapi fizikal pesakit luar atau fisioterapi tidak dilindungi dan tidak boleh dirujuk oleh pengamal perubatan am. Perkhidmatan ini hanya dilindungi apabila dirujuk oleh pengamal perubatan pakar dan rawatan hendaklah diperolehi dari Juru Fisioterapi yang berdaftar. Orang yang Dilindungi hendaklah mempunyai pelan perlindungan Penghospitalkan & Pembedahan Berkelompok, tertakluk kepada had-hadnya.
- Terapi pemulihan pesakit luar, kemoterapi, terapi radiasi, imunoterapi, terapi photodynamic, dialisis buah pinggang dan protokol rawatan terpilih lain (contoh antivirus / terapi interferon untuk hepatitis / sklerosis multipel, suntikan Lucrin bagi endometriosis, suntikan intra artikular, dan lain-lain), kecuali Orang yang Dilindungi mempunyai pelan perlindungan Penghospitalkan & Pembedahan Berkelompok, tertakluk kepada had-had manfaat masing-masing.
- Vaksin pencegahan melainkan yang berikut yang digunakan bagi kanak-kanak yang layak sahaja (tertakluk kepada had manfaat pesakit luar, jika ada):
 - BCG (booster);
 - Hepatitis B (bayi sehingga berumur 1 tahun);
 - Triple Antigen & Hib (bayi sehingga berumur 1 tahun);
 - Double Antigen (booster), termasuk Polio Oral;
 - MMR;
 - Rubella.
- Kos yang ditanggung untuk sumbangan organ badan oleh Orang yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasi-komplikasinya.
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur.
- Perbelanjaan yang ditanggung bagi kanta lekap, penggunaan kosmetik secara luaran/oral/ prosedur pembedahan dan sebarang komplikasi yang timbul daripadanya.

Manfaat Asas Hayat Bertempoh

(i) Kematian (Semua Sebab)

- Akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Kuat Kuasa.

(ii) Keilatan Menyeluruh dan Kekal – KMK (Semua Sebab) & Keilatan Separa Kekal – KSK (Semua Sebab)

- KMK/KSK orang yang dilindungi yang telah wujud pada Tarikh Kuat Kuasa;
- Cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- Penerbangan, peluncuran, atau sebarang jenis penerbangan di udara selain daripada seorang juruterbang, anak kapal atau penumpang tambang berbayar syarikat penerbangan yang diiktiraf atau perkhidmatan sewa khas;
- Peperangan (tidak kira peperangan diisytiharkan atau tidak), revolusi atau operasi seakan peperangan;
- Diakibatkan daripada orang yang dilindungi melakukan, mencuba atau memprovokasi serangan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh orang yang dilindungi.

(iii) Penyakit Membawa Maut

- Cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras;
- Penyakit sedia ada;
- Sebarang keadaan yang wujud atau didiagnos:
 - a. semasa Tempoh Menunggu; atau
 - b. selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau telah didiagnos semasa Tempoh Menunggukecuali Penyakit Membawa Maut yang disebabkan oleh Kecederaan.

Manfaat Pilihan Hayat Bertempoh – Penyakit Kritikal

- Penyakit sedia ada;
- Sebarang keadaan yang wujud atau didiagnos:
 - a. semasa Tempoh Menunggu; atau
 - b. selepas tamat Tempoh Menunggu tetapi berkaitan dengan keadaan yang wujud atau didiagnos semasa Tempoh Menunggukecuali Penyakit Kritikal yang disebabkan oleh Kecederaan.

Lampiran 1 – Skala Pampasan bagi Keilatan Separa Kekal

Deskripsi Kejadian yang Perlu Dibayar	% daripada Jumlah Perlindungan Asas
1. Kehilangan semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
2. Kehilangan penglihatan pada satu mata	50%
3. Kehilangan lengan	
a) pada bahu	100%
b) antara bahu dan siku	100%
c) pada siku	100%
d) antara siku dan pergelangan	100%
e) pada pergelangan	100%
4. Kehilangan kaki	
a) pada pinggul	100%
b) antara lutut dan pinggul	100%
c) lutut ke bawah	100%
5. Hilang Pendengaran	
a) kedua-dua belah telinga	75%
b) sebelah telinga	15%
6. Kehilangan keupayaan bertutur	50%
7. Kehilangan jari	
a) Empat jari dan ibu jari satu tangan	50%
b) Empat jari satu tangan	40%
c) Ibu jari	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
d) Jari telunjuk	
i) tiga ruas	10%
ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari Hantu	
i) tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
f) Jari manis	
i) tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari kelingking	
i) tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%

Deskripsi Kejadian yang Perlu Dibayar	% daripada Jumlah Perlindungan Asas
h) Metakarpus	
i) pertama atau kedua (tambahan)	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
i) Jari-jari kaki	
i) kesemua jari pada satu kaki	15%
ii) ibu jari kaki, kedua-dua ruas	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain ibu jari kaki sekiranya kehilangan lebih dari satu jari kaki, setiap satu	1%

Lampiran 2 – Senarai 39 Penyakit Kritikal

1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	22. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (berdikari)
2. Angioplasti dan rawatan invasif yang lain untuk penyakit arteri koronari	23. Hilang Keupayaan Bertutur
3. Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	24. Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
4. Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	25. Transplan Organ Utama / Sumsu Tulang
5. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	26. Penyakit Neuron Motor - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan
6. Pembedahan Otak	27. Sklerosis Multipel
7. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	28. Distrofi Otot
8. Kardiomiopati - keterukan tertentu	29. Kelumpuhan Anggota
9. Anemia Aplasia Kronik - mengakibatkan kegagalan kekal Sumsu Tulang	30. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	31. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	32. Penyakit Koronari Arteri Yang Serious
12. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih	33. Strok / Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
13. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	34. Pembedahan Aorta
14. Kegagalan Hati Tahap Akhir	35. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
15. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	36. Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu
16. AIDS dengan Gejala Penuh	37. Jangkitan AIDS Disebabkan Pekerja
17. Hepatitis Virus Fulminan	38. Penyakit Membawa Maut
18. Serangan Penyakit Jantung - keterukan tertentu	39. Penyakit Sistik Medular
19. Pembedahan Injap Jantung	
20. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	
21. Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	

Nota Penting:

- Ini adalah pelan takaful keluarga berkelompok dengan pembaharuan tahunan.
- Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda sebaik-baiknya dan caruman yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- Jika anda menukar pelan perubatan anda daripada satu syarikat ke syarikat lain atau jika anda menyerahkan pelan perubatan semasa anda dengan pelan perubatan yang lain dalam syarikat yang sama, anda mungkin dikehendaki menghantar permohonan di mana penerimaan permohonan tersebut akan tertakluk kepada terma dan syarat yang digunakan pada masa penukaran atau penggantian pelan perubatan tersebut dilakukan.
- Jika sijil dibatalkan dalam tempoh penelitian percuma selama 15 hari kalendar, kami akan mengembalikan kepada anda semua caruman yang telah dibayar.
- Brosur ini menyediakan maklumat ringkas sahaja. Ianya bukanlah sebahagian daripada kontrak Takaful. Anda dinasihati agar merujuk kepada buku penerangan pengguna berhubung MHT, Helaian Penerangan Produk dan dokumen-dokumen sijil untuk penerangan lanjut dan terperinci berkenaan pelan tersebut (termasuk manfaat pilihan, jika ada). Syarikat menafikan sebarang liabiliti langsung sekiranya anda mengalami kerugian akibat bergantung cuma kepada maklumat yang dinyatakan di sini.
- Sekiranya terdapat kekeliruan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Mandarin, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Kita Perlu Berbincang...

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)]
Tingkat 14, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

 1-300 88 252 385

 [takaful-malaysia.com.my](https://www.takaful-malaysia.com.my)

 csu@takaful-malaysia.com.my

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.